



*Muhammad Sanusi Md Nor*

## Kedah bantu 400 penduduk selesai isu tanah

**Padang Terap:** Kerajaan negeri akan mengambil pendekatan terbaik dalam membantu menyelesaikan isu pertindihan tanah membabitkan kira-kira 400 penduduk di daerah ini.

Menteri Besar, Muhammad Sanusi Md Nor, berkata isu pertindihan tanah terbabit sudah berlarutan sejak sekian lama dan terdapat kes yang dibawa mahkamah memihak kepada syarikat berkaitan.

“Kita akan ambil tindakan berdasarkan undang-undang bagi membantu menyelesaikan pertindihan masalah pemilikan atau pajakan tanah kepada syarikat itu.

“Sebagai kerajaan kita bertanggungjawab membantu rakyat miskin kerana nasib dan masa depan mereka harus diutamakan,” katanya pada sidang media di Pejabat Daerah dan Tanah Padang Terap di sini, semalam.

September tahun lalu, BH melaporkan kira-kira 50 peneroka di Padang Sanai di sini, menggesa kerajaan negeri campur tangan dalam isu pertindihan tanah dengan sebuah syarikat perladangan yang berlarutan lebih 10 tahun.

Penduduk mendakwa mereka bakal kehilangan hasil pendapatan untuk menyara keluarga selain kerugian ratusan ribu ringgit selepas syarikat perladangan terbabit sudah mula meratakan tanah.

Muhammad Sanusi, berkata isu pertindihan tanah itu akan diselesaikan melalui rundingan bersama syarikat terbabit bersama penduduk kampung.

“Tanah ini diusahakan penduduk sejak lebih 30 tahun lalu dan menjadi sumber pendapatan mereka untuk menyara keluarga.

“Ketika ini, syarikat terbabit perlu melihat tanggungjawab sosial mereka untuk menyumbang balik kepada rakyat miskin,” katanya.

Media pernah melaporkan pada 8 Mei 2018, bekas Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Bashah Hanipah mengumumkan, isu pertindihan tanah membabitkan 767 peneroka Padang Sanai dengan syarikat terbabit dikatakan selesai.